

27/07/1999

Zuma tertarik ucapan Mahathir

NAIB Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma, menyifatkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika pelancaran LID 99, malam kelmarin sebagai menarik dan bernas.

Beliau berkata, saranan supaya langkah globalisasi perlu ditadbir oleh peraturan dan amalan kemanusiaan amat penting bagi menjamin masa depan dunia, terutama negara miskin.

Menurutnya, negara membangun dan negara miskin juga perlu diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam mengemukakan pandangan.

"Masalahnya, mereka tidak berpeluang mengambil bahagian dan mungkin terpaksa menerima akibat dan musnah.

"Kita juga bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa perlu ada kawalan tertentu dan penstrukturan semula dalam sektor kewangan bagi menjaga kepentingan negara kecil," katanya.

Ketika majlis makan malam dan pelancaran LID 99, Perdana Menteri berkata globalisasi perlu ditadbir oleh peraturan dan amalan kemanusiaan bagi mengelakkan negara miskin tidak dilanda kegawatan ekonomi berulang-ulang.

Menurut Dr Mahathir, globalisasi hanya boleh membawa manfaat jika diberi `wajah kemanusiaan'. Ini boleh dilakukan jika masyarakat antarabangsa memberi peluang kepada negara miskin mengemukakan pendapat mereka dalam mentafsir globalisasi.

(END)